



# BANK SOALAN KBAT

## (Unit 1 - Unit 5)

1. Ramalkan tempoh masa bagi dua belon udara kecil untuk terbang jika kubah masing-masing diperbuat daripada plastik dan kertas keras.

KBAT

Menilai

---

---

---

---

2. Apakah yang terhasil jika natrium bikarbonat (serbuk penaik) dicampur dengan cuka makanan?



Mengaplikasi

---

---

---

---

3. Kemalangan jalan raya boleh mengakibatkan pelbagai kesan. Antaranya ialah kecederaan otak. Apakah langkah keselamatan yang boleh diikuti oleh penunggang motosikal untuk mengurangkan kecederaan pada kepala mereka sekiranya kemalangan berlaku?



KBAT

Menilai

---

---

---

---

4. Mengapa pengambilan alkohol boleh memberi kesan pada sistem saraf manusia?



KBAT

Menilai

---

---

---

---

5. Rajah di bawah menunjukkan resepi yang digunakan oleh Amirah dan Masyitah untuk membuat adunan roti. Mereka mencampurkan tepung gandum, air suam, yis dan gula ke dalam mangkuk dan mengaul adunan tersebut sehingga menjadi doh.

Amirah:

- 250 g tepung gandum
- 100 ml air suam
- 15 g yis
- 2 sudu besar gula

Masyitah:

- 250 g tepung gandum
- 100 ml air suam
- 25 g yis
- 2 sudu besar gula

Mereka mendapati adunan roti yang dicampurkan dengan yis menjadi kembang. Setelah adunan itu dibakar, mereka mendapati terdapat rongga-rongga udara pada roti tersebut. Mengapakah situasi ini berlaku?  KBAT Menganalisis

---

---

---

---

6. Apakah kesan interaksi antara tumbuhan kepada hidupan lain?  KBAT Menilai

---

---

---

7. Apakah kesan positif interaksi antara tumbuhan kepada proses fotosintesis?  KBAT Menilai

---

---

---

8. Rajah di sebelah menunjukkan suatu fenomena yang mungkin berlaku secara sengaja atau tidak sengaja. Nyatakan dua kesan fenomena tersebut terhadap alam sekitar.  KBAT Menilai

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

